(b) At any one time hereafter to withdraw or not make available the Card facility or any part thereof upon the happening of any event which in the Bank's opinion would affect in any way the Cardmember's financial position and/or hinder the carrying on of the Cardmember's business affairs in accordance with sound financial, industrial or commercial standards and practices and/or would jeopardise the Bank's position and/or which is a default in respect of any of the requirements of the Bank whatsoever at any time and from time to time and the decision of the Bank shall be final and conclusive. The Bank has the absolute discretion to decide on the implementation of this condition (whenever deemed applicable).

(c) The Bank has the absolute right and discretion not to release or make available the Card facility or any part thereof or to withdraw and/or terminate the Card facility therein granted to the Cardmember immediately upon the Bank becoming aware that the Cardmember is has been investigated or is alleged to be involved and/or had committed any illegal activities or criminal offences of any nature whatsoever or will be or have been allegedly subjected to any criminal prosecution and/or conviction and/or any security in respect of the facility held by the Bank is subjected to or at risk of freezing, seizure and forfeiture by the Federal Government and/or other relevant authorities or regulatory bodies. In all events, the Bank's decision shall be final and conclusive.



**14. EXCLUSION OF LIABILITY**

14.1 The Bank shall not under any circumstances be liable for damages suffered or loss incurred by the Cardmember in respect of any statement, representation, communication or implication relating to or arising from any non-renewal or cancellation of the Card or any revocation, suspension or restriction of the use of the Card by the Cardmember or his/her Supplementary Cardmember including but not limited to any listing of the Card in the Cancellation List.

14.2 The Bank shall not be liable for any loss or damage caused to the Cardmember arising from any act or omission of any Authorised Merchant or Authorised Cash Outlet, howsoever caused, including any retention of and/or refusal to honour the Card or any statement, representation or communication made by such Authorised Merchant or Authorised Cash Outlet or any defect or deficiency in goods purchased or services rendered. The Cardmember may handle any claim or dispute directly with the Authorised Merchant or Authorised Cash Outlet and undertake not to withhold any payment under Clause 7 to the Bank upon the occurrence of such claim or dispute.

14.3 Card transactions effected in currencies other than Ringgit Malaysia will be debited to the Cardmember's account after conversion into Ringgit Malaysia, at the exchange rate as determined by Visa International and MasterCard International on the day of conversion. The conversion rate is subject to any transaction fee levied by Visa International and MasterCard International. The Cardmember shall pay the Bank an administration cost of 1% of the converted amount for such transactions.

**15. OVERSEAS TRANSACTIONS**

15.1 The Cardmember may use the Card outside Malaysia where there are Authorised Merchants and/or Authorised Cash Outlets.

15.2 The Cardmember may use the Card for Cash Withdrawal through designated ATMs installed in such approved countries as shall be announced by the Bank and/or any Merchant Affiliate of Visa International from time to time.

15.3 Card transactions effected in currencies other than Ringgit Malaysia will be debited to the Cardmember's account after conversion into Ringgit Malaysia, at the exchange rate as determined by Visa International and MasterCard International on the day of conversion. The conversion rate is subject to any transaction fee levied by Visa International. The Cardmember shall pay the Bank an administration cost of 1% of the converted amount for such transactions.

15.4 Wherever applicable, the Cardmember shall authorise the Bank to take such steps to comply with the relevant Exchange Control Regulation issued by Bank Negara Malaysia in respect of any overseas transactions.

**16. MISCELLANEOUS**

16.1 RIGHT TO APPLY PAYMENT

Any payment received from the Cardmember may be applied in the manner as the Bank may at its absolute discretion see fit.

16.2 RIGHT TO SET OFF AND CONSOLIDATION

The Bank may set off or transfer any monies standing to the credit of the Cardmember's account with the Bank of whatever description and wherever located towards the reduction and/or discharge of any sum due to the Bank under this Agreement without assigning reason, by giving seven (7) days prior notice on its intention to set off a credit balance.

16.3 LAW

This Agreement between the Bank and the Cardmember shall be governed by the laws of Malaysia wherever the transaction takes place.

16.4 TIME

Time wherever mentioned shall be of the essence of this Agreement.

16.5 WAIVER

Notwithstanding any Terms and Conditions to the contrary, no failure or delay on the part of the Bank in exercising any of its rights, power or remedy hereunder shall be construed as waiver and shall not impair such rights, power or remedy.

16.6 PRESERVATION OF RIGHTS AND ENTITLEMENT

Notwithstanding anything in this Agreement, the Bank's rights and entitlement under this Agreement shall continue to remain in full force and effect and shall survive any cancellation, revocation or suspension of the Card by the Bank.

16.7 VARIATION

The Cardmember agrees that the Bank shall be at liberty and reserves the right to vary, add to or amend the terms and conditions under this Agreement or arrangements (including the privileges made available by the Bank in connection with the Credit Card whether such privileges are set out herein or elsewhere) whenever the Bank deems necessary by giving twenty one (21) calendar days prior notice before the implementation. Cardmembers are advised to refer to the updated terms and conditions at the Bank's website at www.maybank.com.my from time to time and seek clarification from Maybank should any of the terms and conditions be not fully understood. The latest terms and conditions made available on the website shall supersede all previous terms and conditions made between the Bank and Cardmember under this Agreement or any other arrangements.



The Cardmember is deemed to have accepted the variation, addition and/or amendment wholly or in part of the terms and conditions and are bound by them once he/she starts using his/her Credit Card. In the event the Cardmember does not accept such variation, addition and/or amendment wholly or in part, he/she shall terminate the use of his/her Card by calling Customer Service or giving prior written notice to the Bank before the effective date of such proposed variation. Pursuant to the provision relating to termination above, Cardmember shall surrender the Credit Card and return to the Bank by cutting his/her Card into halves, failing which he/she shall be deemed to have accepted such variation, addition and/or amendment.

16.8 ADDRESS

Any statement of account correspondence or notice to the Cardmember may be delivered by hand or sent by prepaid post or by email to the Cardmember's address stated in the Maybank Visa Credit Card Application Form or to such other address(es) notified by the Cardmember to the Bank from time to time and shall be deemed to have been duly received by the Cardmember within three (3) Business Days of posting. Any failure on the part of the Cardmember to notify any change of his/her address resulting in delay or return of any statement of account, correspondences and notice shall not prejudice the Bank's rights and entitlement under this Agreement.

16.9 SERVICE OF LEGAL PROCESS

The Parties hereby agree that the service of any Writ of Summons or any legal process in respect of any claim arising out of or connected with this Agreement may be effected by forwarding a copy of the same by prepaid registered post and a copy of the same by ordinary post to the Cardmember's address(es) stated in the Maybank Islamic Ikhwan Visa Infinite Card-i Application Form or to such other address(es) notified by the Cardmember to the Bank from time to time.

16.10 CERTIFICATE OF INDEBTEDNESS

A certificate signed by the authorised officer of the Bank as to the monies for the time being due and owing to the Bank from the Cardmember shall in the absence of manifest errors be conclusive evidence and proof that the amount appearing therein is due and owing and payable by the Cardmember to the Bank.

16.11 SEVERABILITY

The invalidity or unenforceability of any of the Terms and Conditions herein shall not substantially nullify the underlying intent of this Agreement and the invalid or unenforceability Terms and Conditions shall be severable and the invalidity or unenforceability of any term or Terms and Conditions of this Agreement shall not affect the validity or enforceability of the other terms or Terms and Conditions herein contained which shall remain in full force and effect.

16.12 IMPLIED TERMS
Without prejudice to Clause 15.8, this Agreement embodies the entire understanding of the Parties and there are no Terms and Conditions or obligations, oral or written, expressed or implied, other than those contained herein.

16.13 SUPERSEDING AGREEMENT
All previous agreements or arrangements, if any, made between the Bank and the Cardmember, written or verbal, are hereby cancelled and superseded by this Agreement.

**17. TREATSPOINTS**

17.1 TreatsPoints is valid for 3 years. All TreatsPoints acquired must be redeemed prior to the date the account is closed. Thereafter, all unredeemed TreatsPoints will be automatically be cancelled without prior notification to customers.

17.2 All TreatsPoints acquired must be redeemed prior to the date the account is closed. Thereafter, all unredeemed TreatsPoints will be automatically cancelled.

17.3 The Principal Cardmember is entitled to earn TreatsPoints on retail purchases made with his/her Card for purposes of personal consumption only, i.e. non-business and non-commercial related consumption only. The Bank reserves the right not to award TreatsPoints on retail spends which the Bank deems to be purchases made for business and commercial purposes using the Card.

**18. APPOINTMENT OF AGENT(S)**

18.1 In amplification and not in derogation of its rights under this Agreement, the Bank with Seven (7) calendar days notice to the Cardmember, shall have the right at its sole discretion, and when it deems necessary to appoint and authorise an agent of its choice and on its behalf for the sole purpose of recovering any or all monies due and payable from the Cardmember to the Bank under this Agreement.

18.2 The Cardmember hereby authorises the Bank to disclose any information concerning the Cardmember and his Card Account to any of its agents duly appointed for the purpose of recovering any or all monies due and payable from the Cardmember to the Bank under this Agreement.

**19. DISPOSAL/SALE OF CARD ACCOUNT**

19.1 The Cardmember hereby acknowledges and agrees that the Bank may at its absolute discretion assign transfer, sell and/or vest the Cardmember's Card Account or part thereof to such other institution, corporation, or statutory bodies as may be approved by Bank Negara Malaysia and/or set up under any Act or legislation of Malaysia (hereinafter referred to as "the Card Account Purchaser") and towards this purpose the Cardmember hereby unconditionally and irrevocably consents to the disclosure of all information relating to the Cardmember and the Cardmember's Card Account necessary to facilitate the assignment transfer, sale and/or vesting of the Card Account to the Card Account Purchaser as the Bank deem fit and necessary. The Bank agrees to inform the Cardmember within Seven (7) days of the assignment, transfer, sale and/or vesting of the Card Account to the Card Account Purchaser accordingly.



**20. SERVICE TAX**

The Service Tax of RM25 governed by the Service Tax Act 2018 shall be imposed on each Principal and Supplementary Credit/Charge Cards upon card issuance and card anniversary effective 1 September 2018.

**21. DISCLOSURE OF CUSTOMER INFORMATION AND PERSONAL DATA UNDER THE FINANCIAL SERVICES ACT 2013 ("FSA")/ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013 AND THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 ("PDPA")**

21.1 Cardmember consent and authorize Maybank to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain Cardmember's personal data to other entities within the Maybank Group including its branches in Malaysia and in other countries as well as local and overseas subsidiaries and agents, including but not limited to the parties/bodies listed in clause 20.2 below.

21.2 Cardmember also consent and agree to Maybank conducting credit checks and verification of information given by Cardmember in Cardmember's application for the credit card or services with any credit bureaus or corporation set up for the purpose of collecting and providing credit or other information. Cardmember also consent the disclosure of Cardmember's financial condition, details of accounts, account relationship with Maybank including credit balances to:

(a) government or regulatory authorities in Malaysia and elsewhere, including Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;

(b) companies which are related to Maybank by virtue of Section 6 of the Companies Act 1965, or any associated company of Maybank or of its parent company (Maybank together with its related/associated companies are collectively referred to as "Maybank Group");

(c) party(ies) providing services (including outsourcing vendors, lawyers, nominees, custodians, centralised securities depository or registrar, debt collection agents) to Maybank;

(d) the Maybank's agents, consultants and professional advisers;
(e) the Maybank's or any of the Maybank Group's assignees;
(f) the police or any investigating officer conducting any investigation; and
(g) any person to whom disclosure is permitted or required by any law, regulation, governmental directive or request.

21.3 Maybank may, subject to compliance with the applicable regulatory rules or guidelines, use or apply any information relating to Cardmember collected, compiled, or obtained by Maybank through or by whatever means and methods for such purposes as determined by Maybank.

21.4 The Cardmember hereby authorises Maybank and/or its officers to make use of, disclose, divulge or reveal any information relating to his/her account for purposes of or in connection with any action or proceeding taken for the purpose of recovery of monies due and payable by the Cardmember to Maybank under this Agreement.

21.5 Subject to Cardmember express instruction restricting disclosure (if any) for the purposes of marketing activities, Cardmember hereby consent to and authorize Maybank to collect, process, disclose, transfer Cardmember's personal data to other entities within Maybank Group including its branches in Malaysia and in other countries as well as is local and overseas subsidiaries and other agents and its strategic partners.

21.6 Maybank shall have the right to check the credit standing of the Cardmember at any time as and when it deems fit without notice to the Cardmember.

21.7 Cardmember also declare that all personal information and data set forth herein is true, up to date and accurate and should there be any changes to any personal information or data set forth herein, Cardmember shall notify Maybank immediately.

**Note:** Provided always that where any of the Terms and Conditions in this Agreement permits unilateral variation or amendment by the Bank, such variation or amendment may be effected by the Bank unilaterally subject always to the compliance of the Shariah whenever deemed necessary by informing the Cardmember within Twenty One (21) calendar days notice prior to the effective date.



# Perjanjian Maybank Islamic Ikhwan Visa Infinite Kad-i

**PERJANJIAN MAYBANK ISLAMIC IKHWAN VISA INFINITE KAD-i**

Pengeluaran Maybank Islamic Ikhwan Visa Infinite Kad-i (seterusnya dirujuk sebagai "Kad") oleh Maybank Islamic Berhad (787435-M), sebuah bank berlesen yang ditubuhkan di dalam dan di bawah undang-undang negara Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 15, Tower A, Dataran Maybank, 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia (seterusnya dirujuk sebagai "Bank") dan Ahli Kad DIMANA Ahli Kad Utama telah memohon dan Maybank Islamic Berhad telah bersetuju untuk mengeluarkan Kad untuk Ahli Kad Utama serta membenarkan ianya digunakan dan di mana, pengeluaran Kad untuk Ahli Kad Tambahan serta membenarkan ianya digunakan tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini. Segala Terma dan Syarat ini mengikat Ahli Kad dengan serta-merta selepas pengakuan penerimaan Kad dan/atau penggunaan Kad oleh Ahli Kad, adalah penting untuk Ahli Kad membaca secara teliti dan memahami Terma Dan Syarat di bawah sebelum menggunakan Kad ini.

**1. DEFINISI**

1.1 Didalam Perjanjian ini, melainkan terdapat sesuatu di dalam perkara atau konteks yang tidak konsisten dengan istilah tersebut atau melainkan diperuntukkan dengan nyata sebaliknya:

(i) "Caj Pengurusan Pengeluaran Tunai Sebenar" merujuk kepada caj pengurusan sebenar yang dikenakan ke atas baki belum jelas Pengeluaran Tunai dan caj perkhidmatan sekali sahaja bagi setiap Pengeluaran Tunai yang dijalankan oleh Ahli Kad;

(ii) "Caj Pengurusan Bulanan Sebenar" merujuk kepada yuran pengurusan bulanan sebenar yang dikenakan ke atas Ahli Kad bagi setiap transaksi yang menggunakan Kad;

(iii) "Saluran Tunai Dibenarkan" merujuk kepada cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang ditetapkan oleh ahli-ahli Visa International untuk melaksanakan urusan Pengeluaran Tunai;

(iv) “Pedagang Dibenarkan” merujuk kepada mana-mana peniaga runcit atau orang, firma atau syarikat, yang menurut perjanjian pedagang, bersetuju, untuk menerima atau mengarahkan saluran-salurannya untuk menerima Kad apabila dikemukakan secara sah;

(v) “Purata Baki Harian” merujuk kepada jumlah baki yang dikira dengan membahagikan jumlah baki belum bayar pada setiap hari dari hari pertama Tempoh Bil yang berikutnya dengan bilangan hari dalam Tempoh Bil tersebut. Untuk tujuan pengiraan, baki setiap hari akan ditentukan dengan melaraskan Jumlah Baki Baru dengan bayaran, kredit, Pengeluaran Tunai, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang tercatat pada Draf Jualan dan/atau Draf Pengeluaran Tunai yang diterima oleh Bank sebelum Tarikh Akhir Pembayaran setiap Tempoh Bil;

(vi) “Pemindahan Baki” merujuk kepada kemudahan memindahkan baki belum jelas daripada kredit kad lain yang dipegang oleh Ahli Kad dengan bank lain, institusi kewangan atau pengeluar kredit kad kepada Akaun Kad, tertakluk kepada terma dan syarat Pemindahan Baki yang dikenakan pada masa permohonan untuk Pemindahan Baki;

(vii) “Tempoh Bil” merujuk kepada tempoh di mana semua pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, Pengeluaran Tunai, yuran dan caj yang ditanggung oleh Ahli Kad yang direkodkan oleh Bank di dalam penyata akaun bulanan;

(viii) “Mata wang Bil” merujuk kepada mata wang bil dalam Ringgit Malaysia dan termasuk persingkatan “RM”;

(ix) “Hari Perniagaan” merujuk kepada mana-mana hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan;

(x) “Senarai Pembatalan” hendaklah merujuk kepada:

(a) Senarai Kad Disekat (SKD) yang merupakan notis bercetak yang mengandungi senarai nombor-nombor akaun Visa yang disekat/dibatalkan untuk memaklumkan Pedagang Dibenarkan supaya tidak meluluskan apa-apa transaksi sekiranya Kad Visa tersebut dikemukakan;

(b) Buletin Pemungutan Semula Kad (BPSK) yang merupakan notis bercetak yang mengandungi senarai nombor-nombor akaun Visa yang disekat/dibatalkan untuk memaklumkan Pedagang Dibenarkan supaya tidak meluluskan apa-apa transaksi sekiranya Kad Visa tersebut dikemukakan;

(c) Buletin Amaran Bergabung (BAB) yang merupakan notis bercetak yang mengandungi senarai nombor-nombor akaun Kad Visa yang disekat untuk memaklumkan Pedagang Dibenarkan supaya tidak meluluskan apa-apa transaksi sekiranya mana-mana Kad Visa tersebut dikemukakan;

(d) Senarai Kad Hangat (SKH) yang merupakan notis bercetak yang mengandungi senarai nombor-nombor akaun Visa yang disekat/dibatalkan.

(xi) “Akaun Kad” merujuk kepada Akaun Ahli Kad yang dibuka dengan Bank untuk tujuan Perjanjian ini;



(xii) “Had Kad” merujuk kepada had yang dikenakan oleh pihak Bank terhadap Ahli Kad Utama dana mana-mana Ahli Kad Tambahan pada satu-satu masa untuk penggunaan Kad, dan di mana had tersebut akan ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan akan dimaklumkan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad secara bertulis dari semasa ke semasa;

(xiii) “Penyata Kad” merujuk kepada penyata kad bagi semua Akaun-akaun Kad yang dipunyai oleh Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan;

(xiv) “Pengeluaran Tunai” merujuk kepada pendahuluan tunai daripada mana-mana Akaun Kad di cawangan-cawangan terpilih Bank atau Kumpulan Syarikat Bank, cawangan yang disertai oleh Bank-Bank Ahli Visa atau ATM Bank terpilih dan ATM Bank Ahli Visa;

(xv) “Draf Pengeluaran Tunai” merujuk kepada slip, borang atau kertas berkenaan yang dibekalkan oleh Bank kepada Saluran Tunai Dibenarkan untuk tujuan merekodkan, mengesahkan dan membuktikan Pengeluaran Tunai oleh Ahli Kad dengan menggunakan Kad untuk dicajkan kepada Akaun Kad;

(xvi) “Baki Semasa” merujuk kepada baki semasa Ahli Kad bulan tersebut pada Tarikh Penyata berkenaan;

(xvii) “Mesin Teler Automatik Terpilih” merujuk kepada mesin berkomputer yang menguruskan Pengeluaran Tunai dan perkhidmatan dan kemudahan perbankan lain untuk kegunaan para Ahli Kad;

(xviii) “Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap” merujuk kepada caj maksimum yang akan dikenakan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad berhubung dengan perkhidmatan Pengeluaran Tunai bergantung kepada jenis kad;

(xix) “Caj Pengurusan Bulanan Tetap” merujuk kepada Ahli Kad akan dikenakan Caj Pengurusan bulanan tetap di mana amaun tersebut adalah bergantung kepada jenis kad;

(xx) “Terminal Bacaan Jalur Magnetik” merujuk kepada terminal di tempat urus niaga yang berupaya membaca jalur magnetik pada Kad;

(xxi) “Caj Pengurusan” merujuk kepada caj yang dikenakan kepada Ahli Kad ke atas setiap transaksi Kad;

(xxii) “Pembayaran Minimum” merujuk kepada bayaran minimum bulanan yang perlu dibayar pada Tarikh Akhir Pembayaran, seperti yang ditetapkan di Fasal 7.1 (b) (i) dan (ii);

(xxiii) “Baki Belum Jelas” merujuk kepada baki belum jelas yang yang dinyatakan di dalam Penyata Kad;

(xxiv) “Tarikh Akhir Pembayaran” merujuk kepada Dua Puluh (20) hari dari Tarikh Tutup Tempoh Bil yang kelihatan pada penyata akaun bulanan;

(xxv) “Kad Utama” merujuk kepada mana-mana Kad Utama yang dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad Utama;

(xxvi) “Ahli Kad Utama” merujuk kepada individu yang telah memohon dan dikeluarkan Kad Utama di atas namanya sendiri;

(xxvii) "Draf Jualan" merujuk kepada slip pembayaran, borang atau kertas berkenaan yang dibekalkan oleh Bank kepada Pedagang Dibenarkan untuk tujuan merekodkan, mengesahkan dan membuktikan pembelian atau perkhidmatan yang ditanggung oleh Ahli Kad dengan menggunakan Kad-kad untuk dicajkan kepada Akaun Kad;

(xxviii) "Perkhidmatan" merujuk kepada semua perkhidmatan, keistimewaan dan manfaat termasuk Pengeluaran Tunai dan semua kemudahan perbankan, yang disediakan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad yang berkaitan dengan Kad dari semasa ke semasa;

(xxix) "Tarikh Penyata" merujuk kepada tarikh yang ditentukan oleh pihak Bank untuk Penyata Kad;

(xxx) "Kad Tambahan" (sekiranya ada) merujuk kepada mana-mana Kad Tambahan yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada seorang Ahli Kad Tambahan;

(xxxi) "Ahli Kad Tambahan" (sekiranya ada) merujuk kepada mana-mana individu yang telah memohon dan dikeluarkan sekeping Kad Tambahan di atas namanya sendiri dan diberi kuasa oleh Ahli Kad Utama untuk mengendalikan Akaun Kad dan akan, di mana konteks dibenarkan termasuk satu atau lebih Ahli Kad Tambahan;

(xxxii) "Terma dan Syarat" merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang berkenaan dengan Kad seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini dan merangkumi sebarang pengubahsuaian, perubahan dan/atau penambahan yang dilakukan dari semasa ke semasa.

(xxxiii) "Ahli Kad" merujuk kepada orang yang menerima Kad dan namanya tercetak timbul pada Kad dan tandatangannya diturunkan di atasnya sebagai pengguna yang dibenarkan, dan turut termasuk "Ahli Kad Tambahan";

(xxxiv) "Jumlah Baki Baru" merujuk kepada baki sebelumnya serta jumlah pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, Pengeluaran Tunai yang dilakukan oleh Ahli Kad yang mana Draf Jualan dan Draf Pengeluaran Tunai telah dibeli oleh Bank, termasuk sebarang yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank, ditolak sebarang bayaran yang dibuat oleh Ahli Kad dan dikreditkan kepada Akaun Kad dalam Tempoh Bil;

(xxxv) "Ujrah" merujuk kepada pembayaran upah perkhidmatan sebagai pertukaran ke atas perkhidmatan yang diberikan.

1.2 Perkataan yang membawa maksud mufrad turut merujuk kepada maksud jamaknya dan perkataan yang merujuk kepada maksud jamak turut merujuk kepada maksud mufradnya.

1.3 Perkataan-perkataan yang menandakan individu juga merangkumi badan korporat dan sebaliknya, dan juga waris, wakil persendirian, pengganti dalam hakmilik atau serahhak yang dibenarkan, mengikut keadaan.

## 2. PENERIMAAN KAD

2.1 Kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad berdasarkan konsep Syariah Ujrah. Perkhidmatan-perkhidmatan, faedah-faedah dan keistimewaan-



keistimewaan yang terkandung dalam Kad ini akan ditentukan oleh pihak Bank. Selepas menerima Kad yang dikeluarkan oleh Bank, Ahli Kad haruslah dengan serta merta menandatangani Kad tersebut. Kad yang dikeluarkan dan diserahkan oleh pihak Bank mestilah ditandatangani oleh Ahli Kad dengan serta merta apabila menerimanya.

2.2 Ahli Kad mengaku janji untuk tidak mendedahkan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) yang diperuntukkan oleh Bank kepadanya pada masa Kad dikeluarkan kepada mana-mana orang tanpa keizinan Bank, dan kegagalan untuk berbuat demikian menjadikan Ahli Kad menanggung liabiliti kepada Bank untuk sebarang catatan debit dalam Akaun Kadnya dengan Bank yang timbul daripada transaksi yang tidak sah.

2.3 Sekiranya Ahli Kad tidak mahu terikat kepada Terma Dan Syarat ini, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta memulangkan Kad, yang dipotong dua kepada Bank dan memberi notis bertulis bahawa ia mengembalikan Kad tersebut untuk pembatalan dengan syarat bahawa Ahli Kad akan terus terikat di bawah Terma Dan Syarat Perjanjian ini sehingga Kad Ahli Utama dan Kad Ahli Tambahan diterima oleh Bank dan dibatalkan. Meskipun dengan pembatalan Kad, Ahli Kad masih bertanggungjawab ke atas segala obligasi terdahulu yang ditanggung sebelum pembatalan dibuat dan juga di atas segala dan kesemua kemungkiran terdahulu terhadap Perjanjian ini.

2.4 Ahli Kad seterusnya bersetuju bahawa tempoh untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini seperti yang tertera di dalam Perjanjian ini adalah berdasarkan tempoh yang ditentukan oleh pihak Bank. Pihak Bank boleh melanjutkan tempoh tersebut dari tahun ke tahun atau untuk mana-mana tempoh lain yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank. Sekiranya tempoh perkhidmatan tidak dilanjutkan oleh pihak Bank, perkhidmatan tersebut akan tamat pada tarikh luput yang dinyatakan dan mana-mana jumlah yang terhutang untuk perkhidmatan dan di bawah Perjanjian ini sehingga pada tarikh luput dan/atau penamatan Kad tersebut hendaklah dibayar sepenuhnya. Perkhidmatan adalah juga tertakluk kepada kajian semula berkala mengikut budi bicara pihak Bank dan mana-mana jumlah yang terhutang di bawah Perjanjian ini perlu dibayar apabila dituntut.

2.5 Sebagai balasan Bank mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad Utama dan Kad Tambahan, Ahli Kad mestilah bersetuju untuk mematuhi dan dalam kes Ahli Kad Utama, mengakibatkan setiap Ahli Kad Tambahan untuk mematuhi Terma Dan Syarat di dalam Perjanjian ini dan Terma Dan Syarat serta pindaan dan/atau tambahan yang ditentukan oleh Bank, mengikut budi bicaranya, dari semasa ke semasa.

## 3. KEMUDAHAN KAD

3.1 Sepanjang kesahihannya dan tertakluk kepada Terma Dan Syarat penggunaan yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini seperti yang dipinda dan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa, Kad ini melayakkan Ahli Kad untuk menggunakan Perkhidmatan dengan Bank di dalam Had Kad yang ditetapkan oleh Bank, dan menggunakan kemudahan dan perkhidmatan perbankan lain yang disediakan kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan

nyata daripada Bank.

3.2 Kemudahan Kad yang dimaksudkan buat masa ini merangkumi:
(a) Pembelian barangan halal dan/atau pembayaran untuk perkhidmatan daripada mana-mana Pedagang Dibenarkan; dan
(b) Pengeluaran Tunai daripada Saluran Tunai Dibenarkan dan/atau Mesin Teler Automatik (ATM) yang ditetapkan.

3.3 Atas permohonan Ahli Kad dan sentiasa tertakluk kepada terma dan syarat ATM Bank, kemudahan dan perkhidmatan perbankan yang dirujuk dalam Fasal 3.1 di atas, buat masa ini merangkumi kemudahan ATM yang digabungkan ke dalam Kad yang membolehkan Ahli Kad untuk melaksanakan transaksi perbankan (bagi mana-mana akaun selain daripada Akaun Kad) dengan cara elektronik, sama ada di ATM, Terminal Bacaan Jalur Magnetik atau sebaliknya.

## 4. CARA PENGGUNAAN

4.1 (a) Untuk melakukan pembelian dengan menggunakan Kad daripada mana-mana Pedagang Dibenarkan, Ahli Kad hendaklah menandatangani Draf Jualan yang disediakan oleh Pedagang Dibenarkan dengan menggunakan Kad, tetapi tandatangan tersebut tidak boleh menjadi satu syarat dahuluan kepada liabiliti Ahli Kad yang berkait dengan transaksi pembelian tersebut;
(b) Untuk melakukan Pengeluaran Tunai dengan menggunakan Kad daripada mana-mana Saluran Tunai Dibenarkan, Ahli Kad hendaklah menandatangani Draf Pengeluaran Tunai yang disediakan oleh Saluran Tunai Dibenarkan dengan menggunakan Kad, tetapi tandatangan tersebut tidak boleh menjadi satu syarat dahuluan kepada liabiliti Ahli Kad yang berkait dengan transaksi Pengeluaran Tunai tersebut;
(c) Untuk melakukan Pengeluaran Tunai menerusi ATM, Ahli Kad hendaklah menggunakan Nombor Pengenalan Peribadi (PIN) untuk mendapatkan akses kepada Akaun Kadnya.

4.2 (a) Bank hendaklah membeli daripada Pedagang Dibenarkan dan/atau Saluran Tunai Dibenarkan segala Draf Jualan dan Draf Pengeluaran Tunai yang ditanggung melalui penggunaan Kad dan mendebitkan Akaun Kad Ahli Kad dengan sewajarnya.
(b) Walau apa pun Terma dan Syarat yang ditetapkan dalam Fasal 4.1 di atas, Ahli Kad dengan ini membenarkan Bank untuk mengenakan caj kepada Akaun Kadnya dengan bayaran kepada Pedagang Dibenarkan atau Saluran Peruncit Tunai Dibenarkan berdasarkan bukti Draf Jualan atau Draf Pengeluaran Tunai yang belum ditandatangani oleh Ahli Kad, sekiranya Bank berpendapat, selepas mendapat bukti dokumen yang memuaskan, bahawa kegagalan menandatangani adalah disebabkan kesilapan Ahli Kad dan/atau Pedagang Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan atau jika Pedagang Dibenarkan telah terkurang caj Ahli Kad.

4.3 Ahli Kad hendaklah mematuhi segala keperluan, arahan, suruhan dan garis panduan tentang penggunaan Kad yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa yang berkait dengan segala kemudahan dan perkhidmatan kredit dan perbankan yang diberikan kepada Ahli Kad.



4.4 (a) Bank adalah berhak untuk menganggap rekod transaksinya melalui penggunaan Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang dilakukan melalui pesanan mel atau telefon sebagai bukti hutang, yang ditanggung secara sah oleh Ahli Kad untuk Akaun Ahli Kad;
(b) Ahli Kad bersetuju bahawa rekod Bank bagi mana-mana transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad untuk segala tujuan; dan
(c) Ahli Kad hendaklah menanggung liabiliti untuk segala caj dan pendahuluan walau apa sekalipun yang timbul daripada segala transaksi sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan, yang dilakukan menggunakan Kad.

4.5 Walau apa pun yang terkandung dalam Fasal 4.1 di atas, pembelian juga boleh dilakukan dengan memberikan Pedagang Dibenarkan Nombor Kad bersama butir-butir lain seperti yang tercatat pada Kad dan tanpa keperluan tandatangan Ahli Kad seperti dalam kes pembelian yang dibuat melalui Dagangan Elektronik, Pesanan Mel, Pesanan Telefon dan di Terminal Tempat Jualan khusus, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi di stesen minyak dan/atau melalui cara lain yang mungkin diperkenalkan/dilaksanakan dari semasa ke semasa.

4.6 Walau apa pun Terma dan Syarat lain bertentangan yang terkandung, Bank boleh, mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, pada bila-bila masa dengan notis segera memutuskan untuk tidak memperbaharui, membatalkan, membantah atau menggantung Kad itu atau menyekat penggunaan Kad oleh Ahli kad dan/atau mana-mana Kad tambahan atas kejadian pada mana-mana satu peristiwa berikut:-
(i) Penggunaan Kad sebagai bayaran untuk pembelian haram/menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh Ahli Kad; atau
(ii) Penggunaan Kad sebagai bayaran untuk apa-apa transaksi yang menyalahi undang-undang seperti perjudian dalam talian haram yang dilakukan oleh Ahli Kad; atau
(iii) Penggunaan Kad untuk pembelian barangan atau perkhidmatan yang akan dijual semula, iaitu “bukan untuk kegunaan peribadi Ahli Kad”; atau
(iv) Penggunaan Kad untuk bayaran untuk transaksi yang tidak dibenarkan oleh Syariah.

4.7 Tanpa prejudis kepada Fasal 4.6, jika Ahli Kad menggunakan Kad untuk tujuan yang dilarang oleh Syariah atau untuk pembelian barangan atau perkhidmatan di premis perniagaan yang tidak halal menurut Syariah, Ahli Kad tetap bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar kepada pihak Bank jumlah penggunaan atau pembelian mengikut Perjanjian ini dan Ahli Kad bersetuju dan berjanji bahawa dia tidak akan memberikan alasan ke atas penggunaan tersebut sebagai pembelaan terhadap tuntutan untuk pembayaran kepada Bank jumlah tertunggak ataupun bersandar kepadanya untuk menolak membuat pembayaran.

## 5. AKAUN KAD

5.1 Pihak Bank akan menyediakan penyata bulanan untuk Ahli Kad atau Ahli Kad boleh memohon untuk akaun E-penyata yang menunjukkan jumlah

pembelian barangan dan/atau perkhidmatan, Pengeluaran Tunai, yuran dan caj yang ditanggung oleh Ahli Kad termasuk sebarang bayaran atau kredit yang dibuat dan direkodkan oleh pihak Bank pada penyata akaun bulanan tersebut.

5.2 Rekod dan catatan dalam Akaun Kad Ahli Kad dengan Bank seperti yang dilihat pada penyata akaun bulanan hendaklah disifatkan sebagai betul dan mengikat Ahli Kad melainkan notis bertulis menyatakan sebaliknya telah diberikan kepada Bank dalam tempoh Dua Puluh (20) hari dari Tarikh Tutup Tempoh Bil seperti yang tercatat dalam penyata akaun.

5.3 Atas penerimaan notis bertulis tersebut yang diberikan oleh Ahli Kad dalam tempoh yang ditetapkan, Bank akan meneliti Akaun Kad Ahli Kad untuk membuat penyelarasan dan pembetulan yang perlu, jika ada. Operasi Fasal ini, tidak boleh dengan apa-apa cara menjejaskan kewajipan Ahli Kad di Fasal 7. Dengan syarat bahawa sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau diterima daripada Ahli Kad hendaklah dikreditkan atau didebitkan ke dalam Akaun Kad Ahli Kad.

**6. HAD KAD**

6.1. Pihak Bank mengikut budi-bicara mutlaknya akan menetapkan Had Kad Ahli Kad dengan Bank untuk tujuan Perjanjian ini.

6.2. Sekiranya Ahli Kad memiliki dua atau lebih akaun Kad dengan Bank, satu Had Kad bergabung akan diperuntukkan kepada Ahli Kad, yang mewakili Had Kad keseluruhan yang diberikan untuk meliputi penggunaan semua Kad yang dipegang oleh Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahannya, jika ada.

6.3. Ahli Kad dengan ini berjanji bahawa dia tidak akan melebihi Had Kadnya semasa menggunakan Kad dan hendaklah menjelaskan apa-apa lebihan dengan serta-merta apabila menerima penyata akaun bulanan dan/atau notis lain yang diberikan oleh Bank menunjukkan lebihan tersebut, mengikut Fasal 7.1 (b) (ii).

6.4. Tanpa mengambil kira Had Kad, Ahli Kad boleh mendapatkan wang tunai mengikut budi bicara pihak Bank, di mana Pengeluaran Tunai tersebut tidak akan menyebabkan Had Kad Ahli Kad yang sedia ada akan melebihi had, dengan;

(i) Mengemukakan Kad di mana-mana Saluran Tunai Dibenarkan Bank dengan bukti identiti Ahli Kad dan menandatangani rekod transaksi yang perlu; atau

(ii) Menggunakan Kad di mana-mana ATM, di mana setiap Pengeluaran Tunai akan tertakluk kepada had pengeluaran harian atau had pengeluaran bagi setiap transaksi Pengeluaran Tunai ATM.

6.5. Pihak Bank mempunyai hak untuk mengenakan had maksimum di dalam peratusan ke atas jumlah Had Kad dan bagi yang ada pada Ahli Kad yang boleh digunakan untuk Pengeluaran Tunai.



6.6 Maybank berhak pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya dan tanpa perlu memberikan apa-apa sebab, untuk menyemak semula, mengubah dan / atau mengurangkan Had Kredit Ahli Kad dan perubahan Had Kredit tersebut berkuat kuasa serta merta sebaik sahaja pemberitahuan kepada Ahli Kad. Ahli Kad akan dianggap telah dimaklumkan sekiranya perubahan Had Kredit tersebut tertera di dalam penyata bulanan akaun.

**7 PEMBAYARAN**

7.1 Atas penerimaan penyata akaun bulanan bagi Akaun Kadnya, Ahli Kad boleh membuat bayaran seperti berikut:

(a) Membayar keseluruhan Jumlah Baki Baru pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran.

(b) Alternatifnya, membuat Bayaran Minimum seperti berikut:-

(i) Di mana, Jumlah Baki Baru berada di dalam Had Kad, tidak kurang daripada lima peratus (5%) daripada Jumlah Baki Baru termasuk sebarang baki bulan terdahulu, tertakluk kepada minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25.00) sahaja, yang mana lebih tinggi.

(ii) Apabila Jumlah Baki Baru melebihi Had Kad, membayar keseluruhan jumlah lebihan tersebut berserta dengan lima peratus (5%) daripada Jumlah Baki Baru, termasuk jumlah baki bulan terdahulu yang dinyatakan dalam penyata bulanan akaun.

7.2 Caj Pengurusan Bulanan Sebenar (CPBS):

| Syarat Bayaran Bulanan/ Selama 12 Bulan | Kadar Caj Pengurusan | |
|---|---|---|
| | **Bulanan** | **Tahunan** |
| Bayaran segera 12/12 bulan | 1.25% | 15% |
| Bayaran segera 10/12 bulan | 1.42% | 17% |
| Bayaran segera kurang daripada 10/12 bulan | 1.50% | 18% |

7.3 CPBS dikenakan ke atas baki urusniaga runcit yang tidak dibayar selepas Tarikh Akhir Pembayaran. CPBS akan dikira daripada tarikh urusniaga diposkan sehingga pembayaran penuh diterima. Untuk mengelakkan keraguan, urusniaga runcit tidak termasuk Pengeluaran Tunai, Pemindahan Baki dan mana-mana pelan kredit lain.

7.4 Caj Pengurusan Pengeluaran Tunai Sebenar (CPPTS):

| Caj Pengurusan Pengeluaran Tunai Sebenar | |
|---|---|
| **Yuran Perkhidmatan** | **Caj Pengurusan** |
| Yuran sekali sahaja sebanyak 5% ke atas amaun Pengeluaran Tunai | 18% setahun ke atas baki belum jelas Pengeluaran Tunai |

7.5 CPPTS dikenakan ke atas:
(i) Yuran perkhidmatan sekali sahaja sebanyak lima peratus (5%) (atau kadar lain yang ditentukan oleh pihak Bank daripada semasa ke semasa yang berdasarkan kepada kos sebenar yang dikenakan) dicaj ke atas amaun tunai yang telah dikeluarkan menerusi kegunaan Kad tersebut di bawah Fasal 3.2(b) atau amaun minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) (atau mana-mana amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank daripada semasa ke semasa yang berdasarkan kepada kos sebenar yang dikenakan), yang mana lebih tinggi. Caj Pengeluaran Tunai akan didebitkan ke dalam Akaun Kad pada tarikh Pengeluaran Tunai.
(ii) Selain daripada yuran perkhidmatan, Baki Belum Jelas disebabkan oleh Pengeluaran Tunai atau pelan kredit yang lain akan dikenakan Caj Pengurusan Pengeluaran Tunai Sebenar sebanyak 1.5% (satu perpuluhan lima peratus) sebulan (kadar efektif sebanyak 18% (lapan belas peratus setahun). Caj tersebut akan dikira atas dasar harian daripada tarikh Pengeluaran Tunai dibuat sehinggalah bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.

7.6 Jika pembayaran balik minima tidak dijelaskan pada tarikh matang, caj 1% akan dikenakan ke atas baki belum jelas transaksi pembelian runcit dan pengeluaran tunai yang tertunggak, tertakluk kepada caj minima RM10, sehingga maksima sebanyak RM100 yang mana lebih tinggi.

7.7 Segala bayaran oleh Ahli Kad kepada Bank tidak boleh tertakluk kepada apa-apa potongan, sama ada untuk tuntutan balas dan/atau tolak-selesai dengan Pedagang Dibenarkan, Saluran Tunai Dibenarkan dan/atau Bank, walau apa sekalipun.

7.8 Ahli Kad mengaku janji bahawa ia akan membuat persediaan yang sewajarnya untuk melakukan pembayaran ke akaun Kadnya mengikut Terma Dan Syarat sekiranya berada di luar negara.



7.9 Semua pembayaran kepada Akaun Kad mestilah dibuat dalam Mata wang Bil di mana Penyata Akaun dikeluarkan. Bayaran oleh Ahli Kad adalah tidak akan dikira sehinggalah nilai penuh telah diterima oleh pihak Bank. Pembayaran menggunakan cek luar bandar hendaklah disertai dengan komisen tukaran dalaman, jika ada. Kegagalan menyertakan komisen ini memberikan hak kepada pihak Bank untuk mendebitkan jumlah yang sama dari Akaun Ahli Kad.

7.10 Bayaran yang diterima akan menolak selesai baki tertunggak yang mengenakan caj pengurusan tertinggi ke caj pengurusan terendah.

## 8. YURAN DAN CAJ

8.1 Ahli Kad bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebitkan Akaun Kadnya dengan yuran dan caj yang berikut:

(a) (i) Sebagai balasan kepada Perkhidmatan yang disediakan kepada Ahli Kad oleh pihak Bank yang berkaitan dengan Kad dan menurut Terma Dan Syarat Perjanjian ini, Ahli Kad akan dikenakan Caj Pengurusan Bulanan Tetap di mana amaun yang dikenakan adalah berdasarkan kepada klasifikasi Kad. Caj Pengurusan Bulanan Tetap boleh ditambah atau dikurangkan dari semasa ke semasa atas kelulusan Jawatankuasa Syariah Bank. Perubahan tersebut adalah terikat dan hendaklah dibayar oleh Ahli Kad mengikut tarikh yang ditetapkan oleh pihak Bank.
**Caj Pengurusan Bulanan Tetap: RM30,000.00**

(ii) Caj Pengurusan Bulanan Tetap adalah had amaun untuk Caj Pengurusan Bulanan Sebenar yang dinyatakan di Fasal 7.2. Walau apapun, sekiranya Caj Pengurusan Bulanan Sebenar melebihi Caj Pengurusan Bulanan Tetap, pihak Bank hanya boleh mengenakan caj sehingga Caj Pengurusan Bulanan Tetap.

(iii) Mengikut budi bicara pihak Bank, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, memberi rebat (Ibra') kepada Ahli Kad yang mana jumlahnya akan ditentukan dan dikira mengikut budi bicara mutlak pihak Bank. Tanpa prejudis terhadap budi bicara mutlaknya, jumlah rebat (Ibra'), sekiranya diberikan, akan ditentukan:
- Berdasarkan kepada perbezaan antara Caj Pengurusan Bulanan Tetap dan Caj Pengurusan Bulanan Sebenar pada Tarikh Penyata berkenaan; atau
- Di mana Caj Pengurusan Bulanan Sebenar pada Baki Semasa adalah kurang daripada Caj Pengurusan Bulanan Tetap.

(b) (i) Sebagai balasan kepada Perkhidmatan yang disediakan kepada Ahli Kad oleh pihak Bank yang berkaitan dengan Kad dan menurut Terma Dan Syarat Perjanjian ini, Ahli Kad akan dikenakan Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap di mana amaun yang dikenakan adalah berdasarkan kepada klasifikasi Kad. Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap boleh ditambah atau dikurangkan dari semasa ke semasa atas kelulusan Jawatankuasa Syariah Bank. Perubahan tersebut adalah terikat dan hendaklah dibayar oleh Ahli Kad mengikut tarikh yang ditetapkan oleh pihak Bank.

**Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap: RM44,300.00**

(ii) Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap adalah had amaun untuk Caj Pengurusan Pengeluaran Tunai Sebenar yang dinyatakan di Fasal 7.4. Walau apapun, sekiranya Caj Pengurusan Pengeluaran Tunai Sebenar melebihi Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap, pihak Bank hanya boleh mengenakan caj sehingga Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap.

(iii) Mengikut budi bicara pihak Bank, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, memberi rebat (Ibra') kepada Ahli Kad yang mana jumlahnya akan ditentukan dan dikira mengikut budi bicara mutlak pihak Bank. Tanpa prejudis terhadap budi bicara mutlaknya, jumlah rebat (Ibra'), sekiranya diberikan, akan ditentukan:

- berdasarkan kepada perbezaan antara Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap dan Caj Pengurusan Pengeluaran Tunai Sebenar pada Tarikh Penyata berkenaan; atau
- di mana Caj Pengurusan Pengeluaran Tunai Sebenar pada Baki Semasa adalah kurang daripada Caj Pengeluaran Tunai Bulanan Tetap.

(c) Yuran Tahunan adalah seperti berikut:

| Ahli Utama | Ahli Tambahan |
|---|---|
| Tahun Pertama - Percuma | Tiada |
| Tahun berikutnya - RM800 (percuma dengan pembelian sebanyak RM80,000) | Percuma |

Yuran Tahunan tidak akan dikembalikan.

(d) Caj Pengurusan Bulanan Sebenar seperti dalam Fasal 7.2 di atas.

(e) Caj Bayaran Lewat seperti dalam Fasal 7.6 di atas.

(f) Caj perkhidmatan pada kadar yang ditentukan oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya untuk Perkhidmatan yang diberikannya dan kos dan perbelanjaan yang ditanggung yang berkait dengan atau yang timbul daripada:

(i) Cek Ahli Kad yang didapati ditolak bayarannya; atau

(ii) Caj perkhidmatan pada kadar Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) untuk setiap cek (post-dated) yang dikembalikan.

(iii) Pengeluaran atau salinan foto Draf Jualan atau dokumen lain atas permintaan atau bagi tujuan Ahli Kad dan seperti berikut: Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15.00) setiap satu salinan Draf Jualan.



(g) Yuran guaman (berasaskan Peguam Cara dan Klien) dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Bank dalam usaha menguatkuasakan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini dan mendapatkan kembali wang yang dihutang oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Akaun Kadnya.

(h) Apa-apa yuran dan caj berpatutan yang dikenakan oleh Bank untuk perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Ahli Kad.

8.3 Walau apa pun Terma dan Syarat di atas, Bank boleh atas budi bicaranya, mengubah kadar yuran dan caj tersebut dengan memberikan notis bertulis dalam Dua Puluh Satu (21) hari kalendar kepada Ahli Kad dan kadar yang telah dipinda itu hendaklah bermula kuatkuasanya dari tarikh yang ditetapkan di dalam notis tersebut.

## 9. PEMILIKAN KAD

9.1 Untuk sebarang Kad yang diluluskan, pengutipan sebarang kad buat pertama kalinya, mestilah dilakukan oleh Ahli Kad Utama. Bagi Kad Tambahan, pengutipan oleh pihak ketiga dibenarkan jika diberi kuasa oleh Ahli Kad Utama, melalui kebenaran bertulis daripada Ahli Kad Utama.

9.2 Kad adalah kekal sebagai harta Bank pada setiap masa dan Ahli Kad tidak boleh memindahmilikkan atau sebaliknya melepaskan kawalan atau pegangan Kad bagi sebarang penggunaan atau tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.

9.3 (a) Ahli Kad hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk mengelak penggunaan kad yang tidak dibenarkan, mencegah kehilangan atau kecurian Kad. Sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian Kad, Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank, atau mana-mana Ahli MasterCard/VISA atau AMEX Internasional menerusi telefon, emal atau fax dengan serta-merta selepas menyedari kehilangan atau kecurian tersebut dan mengesahkan kehilangan atau kecurian tersebut secara bertulis kepada Bank.

(b) Bank tidak boleh meletakkan Ahli Kad bertanggungjawab ke atas urus niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN/ tandatangan, melainkan jika Ahli Kad telah:

i. melakukan penipuan;
ii. menangguhkan pemberitahuan Bank selepas menemui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit;
iii. secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau membenarkan orang lain untuk menggunakan kad kredit.
iv. menyimpan sebarang rekod bertulis mengenai PIN bersama-sama atau berdekatan dengan Kad
v. membiarkan/meninggalkan kad atau barang yang mengandungi kad anda tanpa jagaan di tempat-tempat yang terbuka dan boleh diakses oleh orang lain.

c. Ahli Kad hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad.

d. Sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian Kad, Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada Maybank atau mana-mana ahli Visa International, MasterCard International atau American Express melalui telefon, email atau faks dengan serta-merta selepas kehilangan atau kecurian tersebut diketahui dan mengesahkan kehilangan atau kecurian tersebut secara bertulis kepada pihak Bank.
e. Ahli Kad mestilah membuat laporan polis untuk pengesahan kehilangan atau kecurian dan salinan laporan yang diperakui sah hendaklah diserahkan kepada pihak Bank dengan segera.

9.4 Maybank boleh, atas permintaan Pemegang Kad, disebabkan Kredit yang hilang atau dicuri, pendedahan maklumat Kad kepada pihak ketiga, atau permohonan penukaran nombor Kad baru, tetapi tanpa obligasi di sisi undang-undang, menggantikan Kad dengan yuran penggantian berkenaan:
(a) Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) untuk setiap penggantian Kad seterusnya untuk satu (1) Akaun Kad;
(b) Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) untuk setiap penggantian Kad yang berikutnya ke atas Satu (1) Akaun Kad.

9.5 Ahli Kad hendaklah memulangkan Kad kepada Bank, dipotong dua, dengan serta-merta selepas tarikh tamat atau atas permintaan Bank, selepas kad dibatalkan, dimansuhkan atau digantung oleh Bank, atau sekiranya Kad ditemui selepas dilaporkan hilang, dan Ahli Kad tidak boleh mencuba untuk menggunakan lagi Kad tersebut.

## 10. KESELAMATAN KAD DAN PIN

10.1 (a) Sekiranya Kad atau butiran Kad dan/atau PIN telah didedahkan kepada pihak ketiga dengan kebenaran Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Sampingan, Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Sampingan akan bertanggungjawab ke atas semua Transaksi yang dilakukan oleh pihak ketiga tersebut, walaupun Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Sampingan tidak membenarkan Transaksi tersebut
(b) Ahli Kad hendaklah memastikan PIN adalah rahsia dan hendaklah disimpan dengan selamat setiap masa oleh Ahli Kad. Ahli Kad juga mengakujanji untuk tidak mendedahkan PIN kepada pihak ketiga dalam apa jua keadaan dan sebab sekalipun. Ahli Kad hendaklah:
i. memusnahkan sebarang pemberitahuan/ kiriman mengenai PIN;
ii. memastikan bahawa PIN itu disimpan di lokasi yang selamat walaupun di kediaman Ahli Kad
iii. tidak menyimpan sebarang rekod bertulis mengenai PIN bersama-sama atau berdekatan Kad
iv. tidak memapar atau membenarkan orang lain melihat PIN semasa memasukkan PIN;
v. tidak memilih PIN atau menggunakan PIN secara cuai atau tidak berhati-hati yang akan menyebabkan kerugian daripada sebarang transaksi yang tidak dibenarkan dengan penggunaan Kad oleh mana-mana pihak ketiga;



vi. Tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon mudah alih sebagai PIN;
vii. memaklumkan kepada Bank dengan segera (secara lisan atau bertulis) sebaik menyedari yang PIN telah terdedah, digunakan atau diketahui oleh pihak ketiga atau mungkin telah terjejas dalam apa cara sekalipun.
viii.menggunakan kad kredit dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan kad kredit untuk aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang; dan
ix. menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa sebarang kelengahan.
x. memberitahu pihak Bank dengan segera apabila menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) berkenaan dengan transaksi yang tidak dibenarkan.

## 11. KAD TAMBAHAN

11.1 Atas permintaan Ahli Kad Utama, Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, mengeluarkan Kad Tambahan kepada orang yang dicalonkan oleh Ahli Kad Utama di bawah Akaun Kadnya.

11.2 Ahli Kad Utama hendaklah bertanggungjawab terhadap segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Ahli Kad Tambahan. Ahli Kad Tambahan hendaklah bertanggungjawab ke atas segala perbelanjaannya sendiri. Seterusnya, Ahli Kad Utama hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Ahli Kad Tambahan mematuhi segala terma, syarat dan obligasi yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini.

11.3 Atas permintaan nyata Ahli Kad Utama, Bank boleh bersetuju untuk memberikan Ahli Kad Tambahan akses kepada akaun Semasa dan/atau Simpanan Ahli Kad yang dikekalkan dengan pihak Bank dengan kebenaran nyata Ahli Kad Utama, yang juga hendaklah menentukan sama ada Ahli Kad Tambahan tersebut boleh mendapatkan akses melalui penggunaan ATM.

11.4 Kad Tambahan yang dikeluarkan boleh dibatalkan di atas permintaan Ahli Kad secara bertulis, yang disertakan dengan Kad Tambahan yang dipotong dua dan dipulangkan kepada Bank, dengan syarat bahawa pembatalan tersebut tidak menjejaskan hak dan kelayakan, tanggungjawab dan kewajipan semua pihak yang terakru sebelum pembatalan tersebut.

11.5 Bank boleh memungut daripada Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan keseluruhan Baki Belum Jelas dalam mana-mana atau pada semua Akaun Kad yang berkaitan dengan Ahli Kad Tambahan tanpa perlu melepaskan hak terhadap Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan.

## 12. KEMUNGKIRAN

12.1 Walau apa pun Terma dan Syarat yang bertentangan yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini, Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, pada bila-bila masa, dengan memberi notis Tujuh (7) hari kalendar sebelum memutuskan untuk tidak memperbaharui, membatalkan atau memansuhkan Kad, atau menggantung atau menghadkan penggunaan Kad oleh Ahli Kad dan mana-mana Kad Tambahan di bawah Akaun Kadnya, di mana segala wang yang terhutang kepada Bank di bawah akaun Kadnya akan menjadi matang dan mesti dibayar sepenuhnya sekiranya terjadi kejadian yang berikut atau mana-mana satu daripadanya:

(a) Jika Ahli Kad mungkir untuk membayar apa-apa wang yang mesti dibayar dengan cara yang Terma dan Syarat di dalam Perjanjian ini;
(b) Jika Ahli Kad melebihi Had Kadnya yang ditetapkan oleh Bank;
(c) Jika Ahli Kad melanggar mana-mana terma Perjanjian ini dengan apa cara sekalipun;
(d) Jika Ahli Kad membenarkan petisyen kemuflisan; atau keputusan mahkamah yang dibuat terhadapnya kekal untuk tempoh lebih daripada Tiga Puluh (30) hari;
(e) Jika prosiding distres atau penguatkuasaan dikenakan atau dikeluarkan terhadap harta benda Ahli Kad dan tidak dibayar dengan serta-merta;
(f) Jika Bank berpendapat bahawa kedudukan kewangan Ahli Kad adalah atau telah menjadi tidak kukuh dan/atau keupayaan Ahli Kad untuk memenuhi Terma dan Syarat Perjanjian ini telah terjejas.
(g) Jika Ahli Kad menggunakan Kad tersebut untuk apa-apa kegiatan yang dilarang menurut undang-undang dan Syariah termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti perjudian haram dalam talian atau pembelian barangan tidak halal atau pembelian barangan di premis perniagaan yang tidak halal.

12.2 Sebaik selepas pembatalan Kad atau selepas pemansuhan, penggantungan atau penyekatan hak Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahan untuk menggunakan Kad tersebut, Ahli Kad, hendaklah, atas permintaan Bank, menjelaskan Akaun Kadnya sepenuhnya atau sebahagian daripadanya seperti yang ditetapkan oleh Bank.

12.3 Ahli Kad dengan ini mengakui bahawa mana-mana Kad yang dibatalkan atau dimansuhkan boleh diletakkan dalam Senarai Pembatalan yang boleh diedarkan kepada semua Pedagang Dibenarkan dan/atau Saluran Tunai Dibenarkan dan semua cawangan Bank.

12.4 Walau penuh Terma dan Syarat di dalam Perjanjian ini, Ahli Kad bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada Bank untuk sebarang kerugian dan kerosakan, kos dan perbelanjaan, yuran dan caj, yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam usaha untuk menguatkuasakan atau cuba untuk menguatkuasakan bayaran di bawah Fasal 7 di dalam menguatkuasakan Terma dan Syarat Perjanjian ini terhadap Ahli Kad dan/atau Ahli Kad Tambahan.



## 13. HAK-HAK BANK

13.1 Bank mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melakukan perkara-perkara berikut pada bila-bila masa sama ada Kemudahan di sini telah dibayar atau digunakan:

(a) Mengkaji kemudahan Kad pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengira sama ada atau tidak suatu peristiwa mungkir telah berlaku dan apa-apa semakan, jika dijalankan, hendaklah dalam cara yang ditentukan oleh pihak Bank. Sebarang kelewatan atau tertinggal untuk menjalankan semakan semula tidak boleh ditafsirkan sebagai pengecualian hak Bank untuk menyemak serta menjejaskan hak Bank untuk mendapatkan kembali semua wang yang tertunggak.
(b) Pada bila-bila masa selepas ini untuk menarik balik atau kemudahan Kad tidak boleh disediakan atau mana-mana bahagiannya apabila berlakunya apa-apa kejadian yang pada pendapat Bank akan menjejaskan kedudukan kewangan Ahli Kad dan/atau yang menghalang perjalanan urusan perniagaan Ahli Kad selaras dengan kewangan, piawaian perindustrian atau komersial dan praktis dan/atau akan menjejaskan kedudukan Bank dan/atau yang gagal dengan mana-mana keperluan Bank di mana jua pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dan keputusan Bank adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk membuat keputusan mengenai pelaksanaan keadaan ini (pada bila-bila masa yang berkenaan).
(c) Pihak Bank mempunyai hak mutlak dan budi bicara untuk tidak melepaskan atau menyediakan kemudahan Kad atau mana-mana bahagiannya atau untuk menarik balik dan/atau menamatkan dengan segera kemudahan Kad yang diberikan kepada Ahli Kad apabila pihak Bank menyedari bahawa Ahli Kad telah disiasat atau didakwa terlibat dan/atau telah melakukan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau kesalahan jenayah dalam apa jua bentuk atau akan atau telah didakwa tertakluk kepada apa-apa pendakwaan jenayah dan/atau sabitan dan/atau apa-apa jaminan berkenaan kemudahan Kad yang dipegang oleh Bank tertakluk kepada atau pada risiko pembekuan, penyitaan dan perampasan oleh Kerajaan Persekutuan dan/atau lain-lain pihak berkuasa yang berkenaan atau badan-badan kawal selia. Bagaimanapun, keputusan Bank adalah muktamad dan konklusif.

## 14. PENGECUALIAN LIABILITI

14.1 Bank tidak boleh, di bawah apa-apa keadaan menanggung liabiliti untuk kerosakan atau kerugian yang dialami oleh Ahli Kad berkaitan dengan sebarang kenyataan, representasi, komunikasi atau implikasi yang berkait dengan atau yang timbul daripada Kad yang tidak diperbaharui atau dibatalkan atau sebarang pemansuhan, penggantungan atau penyekatan penggunaan Kad oleh Ahli Kad atau Ahli Kad Tambahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada

sebarang penyenaraian Kad dalam Senarai Pembatalan.

14.2 Pihak Bank tidak boleh bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Ahli Kad akibat sebarang tindakan atau kelalaian mana-mana Pedagang Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan, walau apapun sebabnya, termasuk penahanan dan/atau keengganan menerima Kad atau apa-apa pernyataan, representasi atau komunikasi yang dibuat oleh Pedagang Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan atau sebarang kerosakan atau kekurangan di dalam barang yang dibeli atau perkhidmatan yang diberikan. Ahli Kad boleh menguruskan sebarang tuntutan atau pertikaian secara langsung dengan Pedagang Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan dan mengaku janji untuk tidak menahan sebarang bayaran di bawah Fasal 7 kepada Bank sekiranya berlaku tuntutan atau pertikaian tersebut.

## 15. TRANSAKSI LUAR NEGARA

15.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia di mana terdapat Pedagang Dibenarkan dan/atau Saluran Tunai Dibenarkan.

15.2 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk Pengeluaran Tunai melalui ATM terpilih yang dipasang di negara-negara yang diluluskan seperti yang akan diumumkan oleh Bank dan/atau mana-mana Pedagang Sekutu Visa International dari semasa ke semasa.

15.3 Urusniaga Kad yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia akan didebitkan ke Akaun Pemegang Kad selepas ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang ditetapkan oleh Visa International pada hari pertukaran tersebut. Kadar pertukaran adalah tertakluk kepada yuran transaksi yang dikenakan oleh Visa International dan MasterCard International. Pemegang Kad akan membayar kepada Bank kos pentadbiran 1% daripada amaun ditukar untuk transaksi tersebut.

15.4 Di mana berkenaan, Ahli Kad hendaklah membenarkan Bank untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mematuhi Peraturan Kawalan Pertukaran berkenaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang berkait dengan transaksi luar negara.

## 16. PELBAGAI

16.1 HAK UNTUK MENGAPLIKASIKAN BAYARAN
Sebarang pembayaran yang diterima daripada Ahli Kad boleh digunakan dengan cara yang difikirkan wajar oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya.

16.2 HAK UNTUK MENOLAK-SELESAIKAN DAN PENYATUAN
Pihak Bank boleh pada bila-bila masa dan tanpa memberikan sebarang alasan dalam notis Tujuh (7) hari kalendar, menolak selesaikan atau memindahkan apa-apa wang yang berada pada kredit dalam akaun Ahli Kad bersama Bank walau apa pun jumlahnya di mana jua lokasinya untuk mengurangkan dan/atau menjelaskan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Perjanjian ini.



16.3 UNDANG-UNDANG
Perjanjian ini di antara Bank dan Ahli Kad hendaklah tertakluk kepada undang-undang Malaysia walau di mana jua transaksi dilakukan.

16.4 MASA
Masa, di mana sahaja ia disebutkan, adalah asas kepada Perjanjian ini.

16.5 PENEPIAN
Walau apapun peruntukan yang bertentangan, tiada kegagalan atau kelewatan di pihak Bank dalam melaksanakan apa-apa hak, kuasa atau remedinya harus ditafsirkan sebagai penepian dan tidak akan menjejaskan hak, kuasa atau remedi tersebut.

16.6 PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN
Walau apapun yang terkandung di dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya dan akan kekal walaupun Kad dibatalkan, dimansuhkan atau digantung oleh Bank.

16.7 PERUBAHAN
Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank berhak mengubah, menambah atau meminda terma dan syarat yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini atau pengaturan (termasuk keistimewaan yang disediakan oleh Bank berkaitan dengan Kad Kredit yang dinyatakan di sini atau di tempat lain) apabila difikirkan perlu dengan memberi notis Dua Puluh Satu (21) hari kalendar terlebih dahulu sebelum pelaksanaan. Pemegang Kad dinasihatkan untuk merujuk terma-terma dan syarat-syarat yang dikemas kini di laman web Maybank di www.maybank.com.my dari semasa ke semasa dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana terma dan syarat yang tidak dapat difahami. Terma dan syarat terkini yang disediakan di laman web akan menggantikan semua syarat-syarat terdahulu yang dibuat di antara Bank dan Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini atau apa-apa perubahan lain.
Pemegang Kad dianggap telah menerima perubahan, tambahan dan/atau pindaan keseluruhan atau sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat dan terikat dengannya sebaik sahaja beliau mula menggunakan Kad Kredit beliau. Sekiranya Pemegang Kad tidak bersetuju dengan perubahan, tambahan dan/atau pindaan keseluruhannya atau sebahagiannya, Pemegang Kad hendaklah menamatkan penggunan Kad dengan menghubungi Khidmat Pelanggan atau memberi notis bertulis kepada Bank, sebelum tarikh kuatkuasa perubahan yang dicadangkan. Menurut peruntukan berkenaan dengan penamatan di atas, Kad Pemegang hendaklah menyerahkan Kad Kredit dan mengembalikan Kad Kredit yang dipotong dua kepada Bank, jika tidak, beliau dianggap telah menerima perubahan, penambahan dan/atau pindaan tersebut..

16.8 ALAMAT
Sebarang penyata akaun, surat-menyurat atau notis kepada Pemegang Kad boleh dihantar dengan tangan atau melalui pos prabayar atau melalui emel kepada alamat Pemegang Kad yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kad Kredit Maybank Visa atau kepada alamat lain yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh Pemegang Kad dalam tempoh Tiga (3) Hari Perniagaan selepas diposkan. Apa-apa kegagalan di pihak Pemegang Kad untuk memaklumkan tentang sebarang pertukaran alamat, yang menyebabkan kelewatan atau pengembalian sebarang penyata akaun, surat-menyurat atau notis tidak boleh menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.

16.9 PENYERAHAN PROSES UNDANG-UNDANG
Pihak-pihak yang berkenaan dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang Writ Saman atau sebarang proses undang-undang berhubung dengan sebarang tuntutan yang timbul daripada atau berkait dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan menghantar satu salinan dokumen tersebut melalui pos berdaftar prabayar dan satu salinan dokumen yang sama melalui pos biasa kepada alamat Ahli Kad yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kad Ikhwan-i Maybank Islamic atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Ahli Kad kepada Bank dari semasa ke semasa.

16.10 PERAKUAN KEBERHUTANGAN
Perakuan yang ditandatangani oleh pegawai Bank yang dibenarkan tentang wang yang pada masa itu terhutang dan perlu dibayar kepada Bank oleh Ahli Kad, hendaklah menjadi bukti muktamad, kecuali bagi apa-apa kesilapan yang nyata, terhutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank.

16.11 KEBOLEHASINGAN
Ketaksahan atau kegagalan menguatkuasakan mana-mana Terma dan Syarat tidak boleh membatalkan tujuan asas Perjanjian ini dan Terma dan Syarat yang tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan boleh diasingkan, dan ketidaksahan atau kegagalan menguatkuasakan mana-mana terma atau Terma dan Syarat Perjanjian ini tidak akan menjejaskan kesahihan dan keupayaan penguatkuasaan Terma dan Syarat lain yang terkandung di dalam Perjanjian ini, yang tetap berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya.

16.12 TERMA TERSIRAT
Tanpa menjejaskan Fasal 15.8, Perjanjian ini mewakili keseluruhan kefahaman antara Pihak-Pihak yang berkenaan dan tiada Terma dan Syarat atau obligasi, lisan atau bertulis, nyata atau tersirat, selain yang terkandung di dalam Perjanjian ini.



16.13 PERJANJIAN GANTIAN
Semua perjanjian atau persetujuan sebelum ini, jika ada, yang dibuat di antara Bank dan Ahli Kad, bertulis atau lisan, adalah dengan ini dibatalkan dan digantikan dengan Perjanjian ini.

**17. TREATSPOINTS**

17.1 TreatsPoints adalah sah untuk 3 tahun. Semua ganjaran TreatsPoints mesti ditebus sebelum tarikh akaun ditutup. Selepas itu, semua baki TreatsPoints akan dibatalkan secara automatik tanpa notis kepada pelanggan-pelanggan.
17.2 Semua ganjaran TreatsPoints mesti ditebus sebelum tarikh akaun ditutup. Selepas itu, semua baki TreatsPoints akan dibatalkan secara automatik.
17.3 Ahli Kad Utama berhak mendapat TreatsPoints untuk pembelian yang menggunakan Kad untuk tujuan-tujuan penggunaan persendirian sahaja, iaitu penggunaan bukan untuk perniagaan dan komersial. Bank berhak untuk tidak menganugerahkan TreatsPoints untuk pembelian yang menggunakan Kad di mana pihak Bank percaya pembelian adalah untuk tujuan perniagaan atau komersial.

**18. PERLANTIKAN EJEN**

18.1 Dalam meluaskan tetapi tidak dalam mengurangkan hak-haknya di bawah Perjanjian ini, Bank adalah berhak, mengikut budi bicara mutlaknya dengan notis Tujuh (7) hari Kalendar kepada Ahli Kad Kredit dan apabila dianggapnya perlu, melantik dan memberi kuasa kepada ejen pilihannya dan bagi pihaknya, untuk semata-mata memungut semula wang yang dihutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Perjanjian ini.
18.2 Ahli Kad dengan ini membenarkan Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berhubung dengan Ahli Kad dan Akaun Kadnya kepada mana-mana ejen yang dilantik olehnya untuk tujuan memungut semula wang yang dihutang dan perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank di bawah Perjanjian ini.

**19. PERLUPUSAN/JUALAN AKAUN KAD**

19.1 Ahli Kad dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa pihak Bank di atas kuasa penuh dan budi bicaranya menetapkan, memindahkan, menjual dan/atau meletak hak Akaun Kad Ahli atau separuh daripadanya kepada institusi yang lain, kerjasama atau badan berkanun yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau membentuk di bawah mana-mana Akta atau undang-undang Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Pembeli Akaun Kad”) dan menuju ke arah ini, Ahli Kad dengan ini tanpa bersyarat dan secara muktamadnya bersetuju kepada pendedahan semua maklumat yang berkaitan dengan Ahli Kad

dan Akaun Kad Ahli Kad perlu untuk memudahkan penetapan, pemindahan, jualan dan/atau perletakan hak ke atas Akaun Kad Ahli Kad kepada Pembeli Akaun Kad yang mana pihak Bank fikirkan sesuai dan perlu. Pihak Bank bersetuju untuk memaklumkan kepada Ahli Kad dalam tempoh Tujuh (7) hari untuk menetapkan, memindahkan, menjual dan/atau meletak hak Akaun Kad kepada Pembeli Akaun Kad yang sewajarnya.

**20. CUKAI PERKHIDMATAN**

Cukai Perkhidmatan sebanyak RM25 yang tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 akan dikenakan ke atas setiap Kad Kredit/Caj Kad Utama dan Kad Tambahan semasa Kad dikeluarkan dan pada setiap ulang tahun Kad berkuat kuasa pada 1 September 2018.

**21. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013 ("FSA")/AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAMIK 2013 DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")**

21.1 Ahli Kad membenarkan dan memberi kuasa kepada Maybank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindah, menyelenggara, menyimpan dan menyimpan data peribadi Ahli Kad kepada entiti lain dalam Kumpulan Maybank termasuk cawangan-cawangannya di Malaysia dan di negara-negara lain dan juga anak-anak syarikat dalam dan luar negara dan ejen, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak-pihak/badan-badan yang disenaraikan dalam fasal 20.2 di bawah.

21.2 Ahli Kad juga mengizinkan dan bersetuju dengan Maybank menjalankan pemeriksaan kredit dan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Ahli Kad dalam permohonan kad kredit atau perkhidmatan dengan mana-mana biro kredit atau perbadanan yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan kredit atau maklumat lain. Ahli Kad juga bersetuju yang pendedahan keadaan kewangan Ahli Kad, butiran akaun-akaun, hubungan akaun dengan Maybank termasuk baki kredit kepada:

(a) kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia di Malaysia dan di tempat lain, termasuk Bank Negara Malaysia, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;

(b) syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Maybank menurut Seksyen 6 Akta Syarikat 1965, atau mana-mana syarikat bersekutu Maybank atau syarikat induknya (Maybank bersama-sama dengan syarikat-syarikat berkaitan/bersekutu secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan Maybank ");

(c) pihak (-pihak) yang membekalkan perkhidmatan (termasuk vendor-vendor penyumberan luar, peguam-peguam, nomini-nomini, penjaga-penjaga, depositori sekuriti pusat atau pendaftar, ejen pengutip hutang) kepada Maybank;

(d) Maybank atau mana-mana pemegang serah hak Kumpulan Maybank;



(e) Maybank atau mana-mana pemegang serah hak Kumpulan Maybank;

(f) pihak polis atau mana-mana pegawai penyiasat yang menjalankan apa-apa penyiasatan; dan

(g) mana-mana orang yang pendedahan dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, arahan atau permintaan kerajaan.

20.3 Maybank boleh, tertakluk kepada pematuhan dengan peraturan kawal selia atau garis panduan yang berkaitan, menggunakan atau memakai sebarang maklumat berkaitan dengan Ahli Kad yang telah dikumpul, disusun, atau diperolehi oleh Maybank melalui atau dengan apa jua cara dan kaedah untuk tujuan-tujuan seperti yang ditentukan oleh Maybank.

20.4 Ahli Kad dengan ini membenarkan Maybank dan/atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memberitahu atau mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan akaun beliau untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapat kembali wang yang terhutang dan kena dibayar oleh Ahli Kad kepada Maybank di bawah Perjanjian ini.

20.5 Tertakluk kepada arahan Ahli Kad menyatakan hasratnya menyekat pendedahan (jika ada) bagi tujuan aktiviti-aktiviti pemasaran, Ahli Kad dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada Maybank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan data peribadi Ahli Kad kepada entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank termasuk cawangan-cawangan di Malaysia dan di lain-lain negara serta subsidiari-subsidiari tempatan dan luar negara dan ejen-ejen lain dan rakan-rakan strategiknya.

20.6 Maybank berhak untuk memeriksa kedudukan kredit Ahli Kad pada bila-bila masa dan apabila dianggap sesuai tanpa notis kepada Ahli Kad.

20.7 Ahli Kad juga mengaku bahawa segala maklumat peribadi dan data yang dinyatakan di sini adalah benar, terkini dan tepat dan sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada apa-apa maklumat peribadi atau data yang dinyatakan di sini, Ahli Kad hendaklah memberitahu Maybank serta-merta.

**Nota:** Dengan syarat bahawa jika mana-mana Terma dan Syarat di dalam Perjanjian ini membenarkan perubahan unilateral atau pindaan oleh pihak Bank, perubahan atau pindaan tersebut boleh dilaksanakan oleh pihak Bank secara unilateral sentiasa tertakluk kepada pematuhan Syariah apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada Ahli Kad dalam tempoh Dua Puluh Satu (21) hari kalendar notis sebelum tarikh efektif.